



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

1 APRIL 2026 (RABU)

Aniaya Kucing: Lebih 300 Aduan diterima, JPV Terengganu Jalankan Siasatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Kes	Dalam Talian	31 Mac



Gambar hiasan

KUALA TERENGGANU, 31 Mac – Lebih 300 aduan diterima Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu berhubung penyebaran video tular memaparkan insiden penganiayaan terhadap kucing yang didakwa berlaku di negeri ini.

JPV Terengganu dalam kenyataan memaklumkan pihaknya memandang serius perkara itu kerana ia melibatkan perbuatan zalim terhadap haiwan serta pelanggaran undang-undang sedia ada.

“Tindakan segera telah diambil dengan menjalankan siasatan menyeluruh terhadap insiden berkenaan mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

“Jabatan bertekad memastikan siasatan dijalankan secara telus dan menyeluruh bagi mengesan serta mendakwa pihak yang bertanggungjawab,” menurut kenyataan itu pada Selasa.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat spekulasi,

menyebarkan maklumat
tidak sah atau
mengeluarkan kenyataan
yang boleh mengganggu
proses siasatan.

JPV turut mengalu-alukan
kerjasama orang ramai yang
mempunyai maklumat
berkaitan untuk tampil
membantu siasatan.-

[BERITARTM](#)

Cadangan Naik, Perluas Subsidi Diesel Kepada Pemain Industri Pertanian Dibawa Ke Kabinet

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	AM	Dalam Talian	31 Mac



Mohamad Sabu. Foto Bernama

PUTRAJAYA - Cadangan menaikkan dan memperluas pemberian subsidi diesel kepada pemain industri pertanian termasuk pesawah, petani dan nelayan akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri esok bagi pertimbangan lanjut.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cadangan itu dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pagi tadi sebagai langkah segera

untuk mengurangkan tekanan kos operasi sektor pengeluaran makanan negara.

Beliau berkata, antara langkah yang dicadangkan ialah memperluas pemberian subsidi diesel melalui sistem kad fleet kepada lebih ramai pemain sektor pertanian, selain meneliti kemungkinan menaikkan kadar subsidi sedia ada.

"Cadangan ini akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri esok untuk

diputuskan," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Program Pemerkasaan Industri Ruminan Negara Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) Bersama Pemain Industri di sini, Selasa.

Selain itu, Mohamad berkata, kerajaan juga sedang meneliti langkah-langkah segera bagi menghadapi kemungkinan kenaikan harga baja yang merupakan input penting dalam semua sektor pertanian dan boleh memberi kesan besar kepada penanam padi serta pengusaha sayur.

Mohamad berkata, langkah tersebut penting memandangkan sektor pertanian dan perikanan kini berdepan peningkatan kos input termasuk bahan api, baja dan logistik susulan perkembangan geopolitik global.

Beliau turut berkata, susulan sekatan eksport oleh China, kerajaan sedang meneliti sumber alternatif bagi import baja dengan beberapa negara lain termasuk Rusia yang telah menawarkan bekalan.

"Perbincangan lanjut akan dilakukan oleh pegawai kementerian bagi menentukan harga dan syarat yang sesuai," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak berkata, Malaysia ketika ini masih mempunyai bekalan makanan ternakan yang mencukupi kerana import telah dibuat sebelum konflik Asia Barat tercetus.

Bagaimanapun, katanya, bekalan dijangka berkurangan dalam tempoh kira-kira sebulan dan perlu ditambah melalui import baharu.

Beliau berkata, sumber makanan ternakan banyak diimport dari negara seperti Argentina dan Brazil dan setakat ini bekalan masih mencukupi, namun faktor utama yang berpotensi memberi kesan kepada harga ialah kos pengangkutan.

Sementara itu, Isham berkata, projek percubaan tanaman jagung bijian di Cuping, Perlis dan Kota Belud, Sabah yang bertujuan mengurangkan kebergantungan import telah menunjukkan hasil yang baik dan kementerian itu bakal melancarkan program penanaman jagung bijian negara secara besar-besaran di Cuping pada Jun ini.

"Kita bercadang dalam masa empat tahun lagi, kita mempunyai Kadar Sara Diri

(SSR) sebanyak 30 peratus jagung bijian bagi menampung makanan ternakan negara," katanya. - [BERNAMA](#)

Cadangan Naik, Perluas Subsidi Diesel Kepada Pemain Industri Pertanian Dibawa Ke Kabinet

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Dalam Talian	31 Mac



Mohamad Sabu. Foto Bernama

PUTRAJAYA - Cadangan menaikkan dan memperluas pemberian subsidi diesel kepada pemain industri pertanian termasuk pesawah, petani dan nelayan akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri esok bagi pertimbangan lanjut.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cadangan itu dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pagi tadi sebagai langkah segera

untuk mengurangkan tekanan kos operasi sektor pengeluaran makanan negara.

Beliau berkata, antara langkah yang dicadangkan ialah memperluas pemberian subsidi diesel melalui sistem kad fleet kepada lebih ramai pemain sektor pertanian, selain meneliti kemungkinan menaikkan kadar subsidi sedia ada.

"Cadangan ini akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri esok untuk

diputuskan," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Program Pemerkasaan Industri Ruminan Negara Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) Bersama Pemain Industri di sini, Selasa.

Selain itu, Mohamad berkata, kerajaan juga sedang meneliti langkah-langkah segera bagi menghadapi kemungkinan kenaikan harga baja yang merupakan input penting dalam semua sektor pertanian dan boleh memberi kesan besar kepada penanam padi serta pengusaha sayur.

Mohamad berkata, langkah tersebut penting memandangkan sektor pertanian dan perikanan kini berdepan peningkatan kos input termasuk bahan api, baja dan logistik susulan perkembangan geopolitik global.

Beliau turut berkata, susulan sekatan eksport oleh China, kerajaan sedang meneliti sumber alternatif bagi import baja dengan beberapa negara lain termasuk Rusia yang telah menawarkan bekalan.

"Perbincangan lanjut akan dilakukan oleh pegawai kementerian bagi menentukan harga dan syarat yang sesuai," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak berkata, Malaysia ketika ini masih mempunyai bekalan makanan ternakan yang mencukupi kerana import telah dibuat sebelum konflik Asia Barat tercetus.

Bagaimanapun, katanya, bekalan dijangka berkurangan dalam tempoh kira-kira sebulan dan perlu ditambah melalui import baharu.

Beliau berkata, sumber makanan ternakan banyak diimport dari negara seperti Argentina dan Brazil dan setakat ini bekalan masih mencukupi, namun faktor utama yang berpotensi memberi kesan kepada harga ialah kos pengangkutan.

Sementara itu, Isham berkata, projek percubaan tanaman jagung bijian di Cuping, Perlis dan Kota Belud, Sabah yang bertujuan mengurangkan kebergantungan import telah menunjukkan hasil yang baik dan kementerian itu bakal melancarkan program penanaman jagung bijian negara secara besar-besaran di Cuping pada Jun ini.

"Kita bercadang dalam masa empat tahun lagi, kita mempunyai Kadar Sara Diri

(SSR) sebanyak 30 peratus jagung bijian bagi menampung makanan ternakan negara," katanya. - [SINARHARIAN](#)

Stok Makanan Ternakan dijangka Merosot Sebulan Lagi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	AM	Dalam Talian	31 Mac



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu

PUTRAJAYA, 31 Mac (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melancarkan kempen minum susu segar secara besar-besaran mulai tahun ini sebagai langkah meningkatkan pengeluaran susu tempatan sehingga mencapai tahap sara diri (SSR) sepenuhnya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata kempen itu juga bertujuan meningkatkan tahap pemakanan rakyat,

khususnya dalam kalangan kanak-kanak yang didapati menunjukkan pertumbuhan fizikal agak ketinggalan, antara lain disebabkan faktor pemakanan termasuk pengambilan makanan segera.

Beliau berkata pengambilan susu segar dilihat sebagai langkah penting dalam menyokong pertumbuhan kanak-kanak yang lebih sihat selain meningkatkan permintaan terhadap susu tempatan, sekali gus menggalakkan pengembangan industri

tenusu negara.

“Jadi, kempen besar-besaran ini atas usaha tuan-tuan (semua pihak), termasuk penternak dan veterinar yang memberi bimbingan. Akhirnya susu segar akan mencapai SSR tidak lama lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran Program Pemerkasaan Industri Ruminan Negara Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) Bersama Pemain Industri di sini hari ini.

Mohamad berkata sebelum ini kempen sedemikian tidak dilaksanakan secara meluas kerana bekalan susu segar tempatan masih terhad, namun peningkatan kapasiti pengeluaran ketika ini membolehkan usaha berkenaan dipergiat.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata dua subsektor yang masih ketinggalan dan memerlukan perhatian serius ialah ruminan serta padi dan beras, yang ketika ini berada sekitar tahap 53 peratus SSR.

Beliau berkata walaupun import makanan kadangkala lebih murah, negara perlu membina keupayaan pengeluaran domestik sekurang-kurangnya sehingga mampu

menampung sekitar 70 peratus keperluan makanan bagi menghadapi sebarang krisis bekalan.

Mohamad berkata sektor perikanan negara telah menunjukkan pencapaian positif apabila pengeluaran ikan berjaya mencapai tahap sara diri melalui usaha memperkukuh aktiviti akuakultur, terutama ketika bot-bot besar menghadapi cabaran untuk turun ke laut.

Beliau turut menekankan kepentingan memperluaskan penanaman jagung bijian bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan ternakan, yang menjadi antara faktor utama kepada kos pengeluaran industri ruminan.

Mohamad ketika mengulas mengenai Program Pemerkasaan Industri Ruminan Negara anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar berkata ia dijangka menjadi pemacu utama dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara melalui peningkatan pengeluaran daging dan susu segar tempatan menjelang 2030.

Program itu menumpukan pelbagai inisiatif dan intensif melalui strategi khusus bagi membangunkan industri ruminan negara, mencapai

50 peratus SSR daging dan 100 peratus SSR susu segar tempatan menjelang 2030.

Pelaksanaan program itu adalah anjakan strategik kerajaan dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara melalui tiga program utama, iaitu Program Pengganda30, Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara dan Program Peningkatan Ruminan Kecil.-[BERNAMA](#)

KPKM Lancar Kempen Minum Susu Segar, Tingkat Pengeluaran Susu Tempatan Sehingga Capai SSR

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Dalam Talian	31 Mac



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menjangkakan bekalan makanan ternakan bagi keperluan negara akan berkurangan dalam tempoh sebulan lagi.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak berkata, buat masa ini, bekalan makanan ternakan mencukupi kerana ia diimport sebelum krisis Timur Tengah tercetus.

“Bekalan makanan ternakan itu dijangka berkurangan dalam tempoh kira-kira sebulan dan perlu ditambah melalui import baharu.

“Buat masa ini, sumber makanan ternakan banyak diimport dari negara seperti Argentina dan Brazil namun, apa yang merisaukan ialah peningkatan kos pengangkutan,” katanya pada Majlis Peluncuran Program Pemerkasaan Industri Ruminan Negara RMK-13 Bersama Pemain Industri, di sini hari ini.

Pada masa sama, Isham berkata, Kementerian kini sedang melaksanakan projek percubaan penanaman jagung bijian bagi keperluan ruminan negara membabitkan tanaman seluas 10,000 hektar.

Menurutnya, buat masa ini, tanaman makanan ternakan itu diusahakan di Cuping, Perlis dan Kota Belud, Sabah dan telah menunjukkan hasil yang baik.

“Majlis pelancaran penanaman jagung bijian itu akan dibuat secara besar-besaran di Chuping pada Jun ini.

“Kami jangkakan Kadar Sara Diri (SSR) jagung bijian itu dijangka dapat menampung keperluan 30 peratus ternakan negara empat tahun lagi,” katanya. –

[UTUSANMALAYSIA](#)

Kempen Minum Susu Segar Perkukuh Pengeluaran Tempatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Dalam Talian	31 Mac



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu melancarkan Program Pemerikasaan Industri Ruminan Negara RMK-13, di sini / Foto Facebook Mohamad Sabu

PUTRAJAYA, 31 Mac– Kempen minum susu segar secara besar-besaran akan dilancarkan bagi memperkukuh pengeluaran susu tempatan sehingga mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sepenuhnya dalam tempoh terdekat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, inisiatif itu bertujuan meningkatkan permintaan terhadap susu tempatan serta merangsang

pertumbuhan industri tenusu negara.

Menurut beliau, kempen berkenaan turut memberi tumpuan kepada peningkatan pemakanan rakyat.

Fokus khusus diberikan kepada kanak-kanak yang masih ketinggalan dari segi perkembangan fizikal.

“Pengambilan susu segar penting dalam menyokong tumbesaran kanak-kanak

yang lebih sihat.

Dalam masa sama, ia membantu merangsang permintaan dan pengeluaran susu tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran Program Pemerikasaan Industri Ruminan Negara di sini, hari ini.

Tambahnya, sebelum ini kempen seumpama itu tidak dilaksanakan secara meluas berikutan kekangan bekalan susu tempatan.

Namun, peningkatan kapasiti pengeluaran kini membolehkan usaha tersebut dipergiatkan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata subsektor ruminan serta padi dan beras masih memerlukan perhatian serius.

Tahap sara diri bagi subsektor berkenaan kini sekitar 53 peratus.

“Negara perlu membina keupayaan domestik sekurang-kurangnya sehingga 70 peratus bagi menghadapi sebarang krisis bekalan,” katanya.

Dalam masa sama, sektor perikanan menunjukkan perkembangan positif apabila mencapai tahap sara

diri.

Kejayaan itu disokong pengukuhan aktiviti akuakultur ketika sektor perikanan laut berdepan cabaran.

Datuk Seri Mohamad turut menegaskan keperluan memperluas penanaman jagung bijian.

Langkah itu bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan ternakan yang meningkatkan kos industri ruminan.

Program Pemerikasaan Industri Ruminan Negara dijangka menjadi pemacu utama dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Program itu menyasarkan 50 peratus SSR daging dan 100 peratus SSR susu segar menjelang 2030.

Pelaksanaannya melibatkan tiga inisiatif utama.

Ia merangkumi Program Pengganda30, Program Pengukuhan Pengeluaran Tenuku Negara dan Program Peningkatan Ruminan Kecil.-
[BERITARTM](#)

Pemain Industri Ruminan Berkumpul Merancang Untuk Perkuat Industri Makanan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harapan Daily	Nasional	Dalam Talian	31 Mac



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu

PUTRAJAYA, 31 Mac– Kempen minum susu segar secara besar-besaran akan dilancarkan bagi memperkukuh pengeluaran susu tempatan sehingga mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sepenuhnya dalam tempoh terdekat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, inisiatif itu bertujuan meningkatkan permintaan terhadap susu tempatan serta merangsang

pertumbuhan industri tenusu negara.

Menurut beliau, kempen berkenaan turut memberi tumpuan kepada peningkatan pemakanan rakyat.

Fokus khusus diberikan kepada kanak-kanak yang masih ketinggalan dari segi perkembangan fizikal.

“Pengambilan susu segar penting dalam menyokong tumbesaran kanak-kanak

yang lebih sihat.

Dalam masa sama, ia membantu merangsang permintaan dan pengeluaran susu tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran Program Pemerkasaan Industri Ruminan Negara di sini, hari ini.

Tambahnya, sebelum ini kempen seumpama itu tidak dilaksanakan secara meluas berikutan kekangan bekalan susu tempatan.

Namun, peningkatan kapasiti pengeluaran kini membolehkan usaha tersebut dipergiatkan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata subsektor ruminan serta padi dan beras masih memerlukan perhatian serius.

Tahap sara diri bagi subsektor berkenaan kini sekitar 53 peratus.

“Negara perlu membina keupayaan domestik sekurang-kurangnya sehingga 70 peratus bagi menghadapi sebarang krisis bekalan,” katanya.

Dalam masa sama, sektor perikanan menunjukkan perkembangan positif apabila mencapai tahap sara

diri.

Kejayaan itu disokong pengukuhan aktiviti akuakultur ketika sektor perikanan laut berdepan cabaran.

Datuk Seri Mohamad turut menegaskan keperluan memperluas penanaman jagung bijian.

Langkah itu bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan ternakan yang meningkatkan kos industri ruminan.

Program Pemerkasaan Industri Ruminan Negara dijangka menjadi pemacu utama dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Program itu menyasarkan 50 peratus SSR daging dan 100 peratus SSR susu segar menjelang 2030.

Pelaksanaannya melibatkan tiga inisiatif utama.

Ia merangkumi Program Pengganda30, Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara dan Program Peningkatan Ruminan Kecil.-
[BERITARTM](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR